DICETEL® FILM COATED TABLET

Pinaverium bromide (50mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Dicetel®
2. Bagaimana Dicetel® berfungsi
3. Sebelum mengambil Dicetel®
4. Cara menggunakan Dicetel®
5. Semasa menggunakan Dicetel®
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan pemegang pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Dicetel®

Dicetel® digunakan untuk merawat dan melegakan gejala-gejala yang dikaitkan dengan sindrom rengsa usus (IBS) seperti sakit perut, gangguan usus (sembelit dan / atau cirit-birit) dan ketidakselesaan usus (kembung). Dicetel® juga digunakan untuk melegakan gejala yang berkaitan dengan gangguan rembesan hempedu

Bagaimana Dicetel® berfungsi

Dicetel® berfungsi dengan mengendurkan otot-otot pada saluran gastrousus.

Sebelum menggunakan Dicetel®

- Bila tidak boleh menggunakan

- Jika anda mempunyai alahan kepada pinaaverium bromide atau mana-mana bahan lain ubat ini yang disenaraikan di hujung risalah ini.

- Sebelum mula menggunakan Dicetel®.

Berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil Dicetel® jika:

- anda mempunyai luka pada esofagus dan/atau *hiatus hernia* (sejenis keadaan di mana sebahagian perut anda bergerak ke bahagian dada)
- anda mempunyai gangguan pergerakan gastrousus yang disebabkan perubahan struktur organ atau tisu.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Ia adalah amat penting untuk memberitahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda baru-baru ini mengambil atau mungkin mengambil apa-apa ubat-ubatan lain. Ini termasuk ubat yang didapati tanpa preskripsi termasuk ubat herba.

Cara menggunakan Dicetel®

- Berapa banyak harus digunakan

Sentiasa mengambil Dicetel® seperti yang diberitahu oleh doktor. Sekiranya anda kurang pasti, tanyalah pada doktor atau ahli farmasi anda.

Dos yang disyorkan ialah 1 tablet tiga kali sehari. Jika diperlukan, doktor anda akan menambahkan dos kepada 6 tablet sehari.
Telan tablet ini tanpa kunyah atau hisap.

- Bila perlu digunakan

Ambil tablet ini dengan segelas air semasa anda tengah menjamu selera.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan pengambilan ubat ini selagi disyorkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- Jika terlupa menggunakan

Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang terlupa. Ambil dos yang seterusnya pada masa yang ditetapkan pada hari yang seterusnya. Jika anda bimbang mengenai ini, berbincang dengan doktor atau ahli famasi anda.

- Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Jika anda mengambil Dicetel® yang berlebihan atau jika orang lain telah mengambil ubat anda, beritahu doktor atau ahli farmasi anda atau hubungi hospital terdekat.

Semasa menggunakan Dicetel®

- Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Tablet ini tidak harus diambil ketika dalam posisi berbaring atau sebelum tidur.

Kehamilan dan penyusuan

Tiada informasi yang secukupnya bagi penggunaan Dicetel® pada wanita hamil dan menyusu. Doktor anda akan menentukan sama ada anda sesuai untuk menggunakan Dicetel®.

Penggunaan Dicetel® pada akhir kehamilan boleh menyebabkan bayi yang baru lahir mengalami tekanan darah rendah pada mata dan sedasi.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Maklumat penting tentang beberapa bahan kandungan Dicetel®

Dicetel® mengandungi jenis gula yang dipanggil laktosa. Jika anda telah diberitahu oleh doktor bahawa anda tidak bertoleransi kepada beberapa gula, berbincang dengan doktor anda sebelum mengambil ubat ini.

DICETEL® FILM COATED TABLET

Pinaverium bromide (50mg)

Produk ini mengandungi bahan *sunset yellow* yang mungkin menyebabkan reaksi alahan.

Penggunaan produk ini dalam golongan kanak-kanak adalah terhad.

Kesan-kesan sampingan
Seperti mana-mana ubat lain, Dicetel® boleh menyebabkan kesan sampingan pada sesetengah orang. Sesetengah orang mungkin merasa sakit abdomen, loya, muntah, kesukaran untuk telan, atau cirit-birit.

Oleh kerana kesan sampingan ini serupa dengan gejala IBS, mungkin sukar untuk membezakannya. Kesan sampingan yang lain termasuk ruam, gatal-gatal, geligata, kemerahan kulit dan tindak balas alahan. Luka pada esofagus mungkin berlaku jika tablet Dicetel® tidak diambil seperti yang diarahkan.

Jika anda mendapat masalah ini atau apa-apa masalah lain semasa anda mengambil Dicetel®, berjumpa doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my *[Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)]*.

Cara penyimpanan dan pelupusan Dicetel®
- Penyimpanan
Jauhi daripada kanak-kanak. Jangan menggunakan ubat Dicetel® selepas tarikh luput yang tertera pada kotak dan blister selepas "EXP". Tarikh luput merujuk kepada hari terakhir bulan tersebut.

Jangan simpan pada suhu lebih daripada 30ºC. Simpan dalan bungkusan asal dan simpan blister dalam karton luar bagi melindungi daripada cahaya.

- Pelupusan
Jangan buang sebarang ubat melalui sisa buangan ataupun tong sampah. Tanya pada ahli farmasi bagaimana untuk membuang ubat yang tidak diperlukan. Ini boleh membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut
- Rupa dan warna produk
Dicetel® 50mg Film Coated Tablet adalah bulat berwarna oren dengan ukiran "50" pada satu sisi dan ukiran "S" pada sisi yang lain.

Dicetel® dibekalkan dalam karton mengandungi tablet 5, 20, 25, 30, 40, 50, 60, 100 atau 120. Tidak semua pek saiz berada di pasaran.

-Bahan-bahan kandungan
- Bahan aktif
Pinaverium Bromide

- Bahan tidak aktif
Microcrystalline cellulose, pre-gelatinised starch, lactose monohydrate, anhydrous colloidal silica, talc, magnesium stearate, basic butylated metacrylate copolymer, sodium laurylsulfate, stearic acid, hydroxypropyl methylcellulose, titanium dioxide, sunset yellow lake

- Nombor MAL:
Dicetel® 50mg Film Coated Tablet: MAL12045092ACZ

Pengilang
Mylan Laboratories SAS
01400 Châtillon-sur-Chalaronne
France

Pemegang Pendaftaran Produk
Abbott Laboratories (M) Sdn. Bhd.
27-02, Level 27, Imazium,
8 Jalan SS21/37,
Damansara Uptown
474 Petaling Jaya, Selangor
Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP
- 25/03/2022

Nombor Siri
NPRA (R1/1) 17052022/130